

Kod etika sebagai garis

Oleh Kadir Dikoh

BH = 7 FEB 2000

KOD Etika Pemilihan Umno dibincang dan diluluskan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) parti itu minggu lalu. Ada yang beranggapan bahawa kod etika seperti itu tidak perlu, mengongkong kebebasan ahli dan tidak demokratik.

Apakah ahli Umno khususnya yang bertanding merebut jawatan dalam pemilihan Mei ini, akan dapat menjamin tidak akan berlaku penyalahgunaan wang dan kuasa untuk mempengaruhi perwakilan? Memang ramai yang bercakap menentang perbuatan membeli undi tetapi di belakang, lain kisahnya. Inilah masalahnya dan memang terbukti berlaku dalam pemilihan-pemilihan sebelum ini. Kesannya perpecahan dalam parti.

Oleh itu, kod etika ini amat perlu sebagai garis panduan. Namun, kod etika ini lebih menekankan kepada soal etika bagi seseorang calon. Bagaimana pula dengan perwakilan itu sendiri, yang akan menjadi pengundi dalam pemilihan nanti? Mesyuarat

MT kelmarin, antara lain menyatakan bahawa calon juga tidak dibenarkan sama sekali untuk menghulur wang kepada perwakilan walaupun bagi tambang pengangkutan, bayaran penginapan dan belanja makanan.

Namun, berdasarkan peristiwa dalam pemilihan lalu, ada juga di kalangan perwakilan yang bersikap meminta sehingga ke tahap seperti mengugut dan keadaan itu juga memaksa calon melakukan sesuatu kerana jika tidak, undi dia nanti akan hilang. Dalam hal ini, kalangan penerima ini juga harus dipersalahkan dan kod etika itu perlu ditokok tambah, supaya orang macam ini juga harus diambil tindakan.

Jika calon yang melanggar kod etika itu boleh hilang kelayakannya untuk bertanding, maka perwakilan yang berbuat demikian, boleh dihilangkan kelayakannya untuk mengundi. Sememangnya, sasaran utama calon yang bertanding adalah perwakilan dan golongan inilah terdedah kepa-

ANALISIS

da perbuatan 'demanding' hingga ke tahap mengugut calon.

Perbuatan mengugut calon seperti kononnya, "takkan calon tak boleh bayar bil hotel", bukan perkara baru. Malah ada perwakilan membisikkan bahawa kalau boleh mereka tidak perlu membawa wang satu sen pun jika ada pemilihan dalam parti kerana semuanya ditanggung beres - penginapan di hotel, makan minum, pengangkutan dan perbelanjaan harian.

Satu lagi masalahnya nanti ialah siapa yang akan melaporkan kepada MT atau jawatankuasa pengurusan dan disiplin Umno, mengenai tindak-tanduk calon atau perwakilan yang didapati bercanggah dengan kod etika. Yang biasa kita dengar ialah aduan daripada pihak calon lawan dalam Umno itu sendiri, bukan sesama sendiri.

panduan untuk calon, perwakilan

Dalam hal ini, jika semua pihak bertanggungjawab, tak kira siapa, perlu melaporkan sebarang perbuatan yang bertentangan dengan peraturan kod etika pemilihan.

Jika diteliti dengan pemikiran yang rasional, kod seperti itu memang perlu sebagai garis panduan calon yang bertanding, supaya mereka tidak terlalu bebas untuk menggunakan apa saja kesempatan dan landasan bagi meraih sokongan.

Antara lain ia melarang calon daripada menggunakan jentera kerajaan untuk kempen mereka. Bahagian-bahagian Umno juga dilarang menganjurkan sebarang majlis atau pertemuan antara calon dengan perwakilan serta tidak boleh meminta wang untuk menaja program anjuran bahagian untuk kepentingan calon. Selain itu, calon tidak dibenarkan sama sekali untuk menghulur wang kepada perwakilan walaupun bagi tambang pengangkutan, bayaran penginapan dan belanja makanan.

Namun, kod etika itu tidak melarang ahli berkempen berbanding dalam pemilihan Umno 1996 apabila larangan ketat berkempen dikuatkuasakan sehingga menyebabkan enam calon MT digugurkan daripada bertanding. Tetapi kempen yang dibenarkan kali ini, hendaklah diadakan dengan penuh sopan dan profesional serta tidak melanggar larangan kod etika itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam sidang akhbar selepas mesyuarat itu antara lain berkata MT memberi sepenuh kepercayaan kepada ahli-ahli bahawa mereka tidak akan menyalahgunakan kelonggaran untuk berkempen.

"Kita mesti yakin ahli-ahli akan menjaga imej Umno dan tidak akan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kod etika. Jika tidak, mereka mesti sanggup menerima tindakan," katanya.

Ini bermakna, mereka yang melanggar kod etika berkenaan akan dilarang daripada bertanding. Kod etika

ini adalah bagi menentukan supaya tidak ada penyalahgunaan kuasa dalam kempen atau penggunaan wang dan sebagainya.

Sogokan wang dan pelbagai bentuk ganjaran lain seperti kenaikan pangkat atau pemberian projek, memang boleh menutup "mata dan hati seseorang". Pengaruh seperti ini boleh menyebabkan seseorang hilang pertimbangan rasional. Maknanya, undi itu boleh dijual beli. Jika ini berlaku, kebolehan sebenar seseorang calon bagaikan sudah tidak diambil kira lagi. Akhirnya, Umno akan dikuasai oleh mereka yang ada wang saja.

Penarikan semula larangan berkempen sebenarnya diambil berikutan permintaan setiausaha-setiausaha Umno bahagian supaya parti tidak mengadakan peraturan terlalu ketat kerana ada calon yang mahu memperkenalkan diri, terutama muka baru berbanding calon yang mempunyai jawatan menteri dan timbalan menteri yang sudah dikenali.